



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 02/12

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA SANTUNI VETERAN ATM YANG TERKESAN DENGAN BANJIR DI SEKITAR JAJAHAN NEGERI KELANTAN

1. **KELANTAN, 5 Disember 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah mengadakan lawatan ke kawasan Jajahan Pasir Mas yang terjejas teruk akibat banjir besar yang sedang melanda di kawasan Pantai Timur, semalam.
2. Semasa lawatan, Timbalan Menteri Pertahanan (Timb MENHAN) **diberikan taklimat oleh Panglima 8 Briged, Brigedier Jeneral Dato' Muzamil bin Hj Ali, Appointed Military Commander (AMC) Op MURNI Kawasan Tanggungjawab 8 Briged** yang bertanggungjawab memantau keadaan banjir dan membantu pihak berkuasa awam semasa bencana banjir belaku di kawasan sekitar Kelantan dan Terengganu.
3. Kemudiannya, Timb MENHAN bergerak melawat ahli Veteran ATM yang tinggal di sekitar Jajahan Pasir Mas dan terkesan dengan banjir yang sedang melanda. Mereka yang telah **menerima lawatan** adalah **Encik Yusrin bin Ariffin dan Puan Haslina binti Mustapha yang menetap di kawasan Lubok Jong, Encik Faizal bin Mustapha di Taman Megah Lagenda dan Encik Che Aziz bin Che Long yang tinggal di Tok Uban.**
4. Selain itu, Timb MENHAN juga telah **melawat dan menyampaikan sumbangan kepada anggota Tentera Darat Malaysia (TDM)** yang sedang melaksanakan Operasi MURNI (Op MURNI) di sekitar Kawasan Tanggungjawab 8 Briged (KTJ 8 Bgd). Op MURNI ini telah **mula beroperasi sejak 27 November 2024** meliputi KTJ Negeri Kelantan di Jajahan Pasir Mas, Tumpat, Kota Bharu, Bachok, Pasir Putih, Machang, Kuala Krai, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang serta Negeri Terengganu di Hulu Terengganu, Marang, Dungun, Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Besut dan Setiu.

5. Statistik keseluruhan Veteran ATM menunjukkan bahawa seramai **424 orang Veteran ATM terjejas akibat banjir**. Daripada jumlah tersebut, **299** daripada mereka yang terlibat menetap di **Kelantan** dan **125 orang** Veteran ATM di kawasan **Terengganu**.
6. Hadir sama semasa lawatan berlangsung adalah Pengarah JHEV Cawangan Negeri Kelantan, Mejaz Wan Abdullah bin Wan Abdul Samad TUDM serta wakil persatuan-persatuan Veteran ATM sekitar Kelantan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

5 Disember 2024